

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [ SETIU ] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN menyatakan  
sejauh mana pelaksanaan SMART Sawah Berskala Besar tidak akan  
menjejaskan hak-hak petani memandangkan pemegang taruh  
majoritinya daripada syarikat swasta dan korporat.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program SMART Sawah Berskala Besar atau lebih dikenali sebagai SMART SBB adalah satu inisiatif baharu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bertujuan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara. Dalam masa yang sama, program ini bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan pesawah padi dengan penglibatan pemain industri secara langsung dalam rangkaian penanaman padi dan pengeluaran beras.

Secara khususnya, tujuan utama pelaksanaan SMART SBB adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan hasil padi domestik menerusi penglibatan pihak swasta yang telah sedia terlibat dalam industri menerusi pelaburan modal, kepakaran dan keupayaan teknologi yang dimiliki oleh mereka. Peningkatan hasil dan produktiviti padi tempatan ini penting bagi memperkukuhkan sekuriti bekalan makanan dan tahap sara diri negara terhadap beras, lebih-lebih lagi dalam keadaan negara berhadapan dengan pengecutan kawasan bertanam padi saban tahun. Program SMART SBB menyasarkan peningkatan purata hasil padi negara kepada 7.0 tan metrik sehektar dalam tempoh berakhirnya Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe12) berbanding purata hasil semasa sekitar 3.5 hingga 4.3 tan metrik sehektar yang akan membantu pencapaian Tahap Sara Diri (SSL) beras negara kepada 75% menjelang tahun 2025 atau sebelum berakhirnya RMKe12;
- ii. Mengoptimumkan penggunaan sumber menerusi penyatuan pengurusan sawah dan memodenkan aktiviti penanaman padi menerusi penggunaan teknologi dan mekanisasi terkini. Hal sedemikian kerana penggembelangan sumber lebih

mudah dilakukan menerusi satu pengurusan manakala kos-kos tambahan akan diserap oleh syarikat peneraju; dan

- iii. Meningkatkan pendapatan pesawah yang sebahagian besarnya masih berada di bawah kategori B40 berikutan masih mengusahakan tanah sawah secara individu dan bersaiz tidak ekonomik iaitu kurang daripada 2 hektar. Penglibatan di dalam program ini akan membantu mereka menjana pendapatan tambahan menerusi peningkatan hasil serta pengurangan kos pengeluaran.

Terdapat tiga (3) entiti yang membentuk kerjasama sebagai *Special Purpose Vehicle* (SPV) dalam pelaksanaan program ini iaitu Syarikat Peneraju, Pesawah dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Buat masa ini, sebanyak sebelas (11) Syarikat Peneraju telah bersetuju untuk turut serta di dalam program ini yang mana mereka ini disyaratkan mempunyai kilang beras untuk tujuan pemprosesan padi terus tanpa melibatkan orang tengah. MAFI juga dalam proses rundingan dengan beberapa buah syarikat peneraju lain yang juga telah menyatakan hasrat untuk turut terlibat dalam program ini.

Buat masa kini, pelaksanaan Program SMART SBB masih dalam peringkat awal kerana program ini disasarkan dilaksanakan sehingga tahun 2030. Antara kawasan yang telah dilaksanakan program ini adalah di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak di bawah seliaan Syarikat Peneraju FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. Seluas 313 hektar telah dilaksanakan sehingga kini dengan pecahan 173 hektar di IADA Barat Laut Selangor dan 140 hektar di IADA Seberang Perak.

Bagi memastikan pelaksanaan SMART SBB berjalan lancar, pihak Syarikat Peneraju akan dipantau secara dekat oleh MAFI bersama-sama agensi-agensinya berkaitan seperti di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA). Jawatankuasa pemantauan juga telah ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan oleh Syarikat Peneraju menepati hasrat dan sasaran MAFI.

## SOALAN NO : 43

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, pelaksanaan Program SMART SBB ini tidak akan menjejaskan hak-hak petani. Ingin ditegaskan bahawa pelaksanaan program ini melibatkan persetujuan bersama antara pesawah/pengusaha dengan syarikat peneraju berteraskan kepada pendekatan sewaan dan pertanian kontrak yang mana hak pesawah masih kekal dan tidak terjejas. Penglibatan syarikat swasta dan korporat dalam program ini adalah bagi memastikan pelaksanaannya lebih berkesan memandangkan syarikat peneraju juga adalah merupakan pemain industri sedia ada yang akan membantu memendekkan rantai nilai pengeluaran dan pulangnya akan dapat dinikmati kembali oleh para pesawah sebagai rakan kongsi. Penglibatan syarikat peneraju dalam program ini juga diharap akan membantu Kerajaan daripada segi pengurangan kos kerana sebahagian kos pengeluaran yang terlibat termasuk pembelian input tambahan serta penggunaan teknologi moden dan terkini akan dibiayai oleh syarikat peneraju berkaitan.

Sekian, terima kasih.